



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Dua wanita lapor panggilan 'Macau Scam'
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 15 November 2018

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 2

Dua wanita lapor panggilan 'Macau Scam'

MIRI: Dua wanita di sini membuat laporan polis pada Isnin lalu selepas menerima panggilan 'Macau Scam' daripada dua individu tidak dikenali.

Dalam kenyataannya kelmarin, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Perdagangan Sarawak Superintenden Mustafa Kamal Gani Abdullah berkata, kedua-dua wanita tersebut bagaimanapun tidak mengalami sebarang kerugian kerana menyedari ia adalah taktik penipuan.

Katanya, dalam kes pertama yang dilaporkan bagi 'Macau Scam' seorang suri rumah berusia 31 tahun menerima panggilan daripada seorang lelaki yang memaklumkan kononnya beliau ada pinjaman peribadi dengan Hong Leong Bank berjumlah RM30,000.

"Mangsa diberitahu kononnya dia telah gagal membuat pembayaran ansuran ke atas pinjaman tersebut dan juga tidak hadir ke mahkamah," katanya sambil menambah

mangsa sempat memberikan butir-butir peribadinya kepada lelaki berkenaan.

Bagaimanapun apabila mengesyaki ia adalah penipuan, mangsa lantas membuat laporan polis untuk membolehkan siasatan dilakukan.

Sementara dalam satu lagi kes berasingan, seorang suri rumah berusia 31 tahun menerima panggilan daripada seorang wanita yang memberitahu bungkusan miliknya daripada rakan

Facebooknya telah tiba di Kuala Lumpur.

Mangsa kemudian diminta untuk membayar RM3,780 dan memasukkannya ke dalam akaun bagi membolehkannya menerima bungkusan tersebut.

"Apabila mereka meminta bayaran untuk dimasukkan dalam ke akaun, mangsa lantas menyedari ialah ada panggilan menipu lantas memutuskan untuk melaporkannya kepada pihak polis," tambahnya lagi.